



**Dewan**  
**Pemuda** **PAS**  
MALAYSIA

**KERTAS CADANGAN PEMBANGUNAN  
POLISI PENYALAHGUNAAN ALKOHOL  
KEBANGSAAN**

# KERTAS CADANGAN PEMBANGUNAN POLISI PENYALAHGUNAAN ALKOHOL KEBANGSAAN

## **ABSTRAK**

Penggunaan alkohol, walaupun sejak sekian lama telah menjadi sebahagian kecil daripada struktur sosial dan budaya masyarakat kita, telah membebankan sistem kesihatan, sosial dan ekonomi negara. **Dewan Pemuda PAS Malaysia DPPM**, mencadangkan pembangunan **Polisi Penyalahgunaan Alkohol Kebangsaan (PPAK)**. Polisi ini memberi kita peluang untuk menyatukan kerangka kerja menyeluruh untuk membimbing usaha ke arah merealisasikan aspirasi kita. Secara khusus, PPAK menyediakan mekanisme untuk mengatur sektor formal dan tidak formal, menekankan penawaran dan permintaan produk alkohol, koordinasi dan kerjasama pelbagai pemegang taruh dalam menangani penyalahgunaan alkohol.

## **1.0 PENDAHULUAN**

Penggunaan alkohol di Malaysia sejak sekian lama telah menjadi sebahagian kecil daripada struktur sosial dan budaya masyarakat kita. Namun, selama bertahun-tahun, terdapat peningkatan kes penggunaan alkohol berbahaya atau penyalahgunaan alkohol yang telah membebankan sistem kesihatan, sosial dan ekonomi. Kos penyalahgunaan alkohol jauh lebih besar daripada manfaat yang diperoleh dari penggunaannya dan pengeluarannya.

Penyakit, kecederaan dan kematian yang disebabkan oleh penyalahgunaan alkohol tidak dapat dinafikan. Selama bertahun-tahun, boleh di perhatikan peningkatan sangat jelas dalam masalah kesihatan dan kematian akibat penyalahgunaan alkohol dan penyakit berkaitan seperti barah, diabetes, hati, penyakit jantung, kemalangan jalan raya. Tidak menghairankan, penyalahgunaan alkohol adalah faktor risiko global ketiga untuk penyakit dan kecederaan. Kita juga harus mengakui kesan penyalahgunaan alkohol terhadap elemen sosial, moral dan ekonomi seperti gangguan keluarga, jenayah, kenakalan remaja, penderaan kanak-kanak, pengangguran dan penurunan produktiviti tempat kerja.

Mengambil-kira faktor keberjayaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, kesan penyalahgunaan alkohol harus dibendung bersama secara menyeluruh. Oleh itu, ada keperluan untuk mengurangi kerugian kesan penyalahgunaan alkohol dalam pada mengambil kira manfaat penggunaan alkohol, sekiranya ada. **Dewan Pemuda PAS Malaysia DPPM**, mencadangkan agar usaha dijalankan untuk membangunkan **Polisi Penyalahgunaan Alkohol Kebangsaan (PPAK)**. Polisi ini memberi kita peluang untuk menyatukan kerangka kerja menyeluruh untuk membimbing usaha ke arah merealisasikan aspirasi kita. Secara khusus, PPAK menyediakan mekanisme untuk mengatur sektor formal dan tidak formal,

menekankan penawaran dan permintaan produk alkohol, koordinasi dan kerjasama pelbagai pemegang taruh dalam menangani penyalahgunaan alkohol.

Kertas cadangan ini dibahagi kepada beberapa seksyen yang dimulakan dengan perbincangan mengenai kesan penyalahgunaan alkohol, di Malaysia dan di beberapa buah negara terpilih. Seksyen seterusnya membentangkan beberapa tindakan intervensi dalam perjuangan membentaras penyalahgunaan alkohol di beberapa buah negara, termasuk Australia dan Ireland. Seterusnya, kami mengutarakan cadangan terperinci mengenai pembangunan sebuah polisi kebangsaan yang komprehensif untuk menangani gejala penyalahgunaan alkohol.

## **2.0 KESAN PENYALAHGUNAAN ALKOHOL**

Walaupun Malaysia hanyalah sebuah negara yang kecil, namun ia adalah antara 10 negara yang paling tinggi kadar kadar penggunaan alkohol di dunia<sup>1</sup>. Rakyat Malaysia telah membelanjakan lebih RM 1.5 bilion untuk pembelian minuman beralkohol pada tahun 2011 dengan kadar alkohol per kapita sekitar 7 liter setahun<sup>2</sup>. Konsumsi bir di kalangan rakyat penggunaan Malaysia adalah tinggi dengan kadar per kapita 11 liter setahun yang menyamai kadar per kapita negara-negara Eropah. Penggunaan alkohol rakyat Malaysia tertumpu kepada bir (61%), wain (21%) dan spirit (17%)<sup>3</sup>. Kadar purata umur kebergantungan kepada alkohol (alcohol dependency age) ialah 22 tahun yang menunjukkan prevalensi penggunaan alkohol di kalangan generasi muda<sup>4</sup>.

Berdasarkan National Health & Morbidity Study 2019 (NHMS 2019)<sup>5</sup> yang terkini, 11.8% rakyat Malaysia menggunakan alkohol manakala 1 dalam 2 daripada mereka mengamalkan 'binge drinking' dan 1 dalam 10 pula terlibat dengan HED ( Heavy Episodic Drinking). 'Binge drinking' ialah konsumsi alkohol pada kadar standard melebihi 6 kali dalam satu-satu majlis manakala HED ialah konsumsi alkohol pada kadar standard melebihi 6 kali dalam satu-satu majlis setiap minggu. Ini adalah angka yang tinggi dan seharusnya diberi perhatian khusus oleh pihak berkuasa.

---

<sup>1</sup> <https://www.thestar.com.my/news/nation/2011/05/23/malaysia-ranked-worlds-10th-largest-consumer-of-alkohol/>

<sup>2</sup> <https://today.mims.com/alcoholism-in-malaysia--a-serious-public-health-issue>

<sup>3</sup> <https://www.who.int/publications-detail/global-status-report-on-alcohol-and-health-2018>

<sup>4</sup> <http://www.ias.org.uk/What-we-do/Publication-archive/The-Globe/Issue-4-2001-amp-3-2001/The-alkohol-problem-in-Malaysia.aspx>

<sup>5</sup> [http://iku.gov.my/images/IKU/Document/REPORT/NHMS2019/Infographic\\_Booklet\\_NHMS\\_2019-English.pdf](http://iku.gov.my/images/IKU/Document/REPORT/NHMS2019/Infographic_Booklet_NHMS_2019-English.pdf)

NHMS 2019 juga mencatatkan kadar yang tinggi untuk kecederaan jalanraya (Lelaki: 17.6%, Wanita: 10.9%), cirrhosis hati (Lelaki: 16.8%, Wanita: 16.2%) dan kanser (Lelaki: 2.2%, Wanita: 0.6%) yang disebabkan oleh penggunaan alkohol. Menurut WHO, kematian disebabkan alkohol dianggarkan sekitar 2.25 juta orang setiap tahun di seluruh dunia dan melebihi kematian disebabkan AIDS dan tuberkulosis.

Kematian jalanraya disebabkan pengaruh alkohol juga adalah tinggi di Malaysia. Dalam satu kajian, Malaysian Institute of Road Safety Research mendedahkan dapatan yang menunjukkan pemandu mabuk adalah 13 kali ganda berpotensi menyebabkan kemalangan jalanraya berbanding pemandu normal<sup>6</sup>. Kajian yang sama juga mencatatkan 618 kematian daripada 1035 kes kemalangan jalanraya disebabkan pengaruh alkohol antara tahun 2010 - 2015 sahaja. Jika diteliti angka kes kemalangan jalanraya yang disebabkan oleh pengaruh alkohol pada tahun 2018, daripada total 191 kes, 54 kes (28%) menyebabkan kematian manakala 74 kes (39%) menyebabkan kecederaan parah<sup>7</sup>. Satu aspek penting yang perlu diberi perhatian ialah kajian oleh pengkaji UUM dan UM yang menunjukkan penggunaan alkohol di negara kita adalah paling tinggi di kalangan mereka yang tinggal di bandar, berpendidikan dan berpendapatan tinggi<sup>8</sup>. Dapatan ini harus diambil-kira dalam menilai intervensi pencegahan dan hukuman yang sesuai kepada pemandu mabuk yang menyebabkan kematian dan kecederaan serius kepada pengguna jalanraya yang lain.

Di samping itu, penyalahgunaan alkohol juga memberi kesan sosial negatif yang mendalam khususnya kepada golongan berpendapatan rendah. Prevalensi kes keganasan rumahtangga di kalangan mereka yang menyalahgunakan alkohol adalah tinggi. Faktor alkoholisme adalah antara 5 penyebab utama kes keganasan rumahtangga di Malaysia<sup>9</sup>. Golongan berpendapatan rendah terdedah kepada risiko penyalahgunaan alkohol apabila mereka mempunyai akses kepada arak murah (cheap spirit) seperti samsu yang boleh dibeli dengan harga semurah RM 1.50 sebotol yang boleh didapati dengan mudah di kedai-kedai runcit

---

<sup>6</sup> <https://www.unescap.org/sites/default/files/10-%20Country%20presentation-Drink%20Driving%20Management-Malaysia.pdf>

<sup>7</sup> <https://theaseanpost.com/article/drunken-driving-rise-malaysia>

<sup>8</sup>

[https://www.researchgate.net/publication/313495340\\_Analysis\\_of\\_the\\_Determinants\\_of\\_Alcohol\\_Consumption\\_among\\_Adult\\_Males\\_in\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/313495340_Analysis_of_the_Determinants_of_Alcohol_Consumption_among_Adult_Males_in_Malaysia)

<sup>9</sup>

[https://www.researchgate.net/publication/323508059\\_CAUSES\\_AND\\_EFFECTS\\_OF\\_DOMESTIC\\_VIOLENCE\\_A\\_CONCEPTUAL\\_MODEL\\_ON\\_THE\\_PERFORMANCE\\_AT\\_WORK\\_Syazliana\\_Astrah\\_Mohd\\_Idris\\_Johor\\_Empowerment\\_of\\_Intellectual\\_Women\\_Association\\_Ministry\\_of\\_Women\\_Family\\_and\\_Sociale/link/5a98a84c0f7e9ba42976e9bc/download](https://www.researchgate.net/publication/323508059_CAUSES_AND_EFFECTS_OF_DOMESTIC_VIOLENCE_A_CONCEPTUAL_MODEL_ON_THE_PERFORMANCE_AT_WORK_Syazliana_Astrah_Mohd_Idris_Johor_Empowerment_of_Intellectual_Women_Association_Ministry_of_Women_Family_and_Sociale/link/5a98a84c0f7e9ba42976e9bc/download)

tertentu<sup>10</sup>. Selain itu, konsumsi alkohol di kalangan belia berumur 15-24 tahun juga dilihat semakin meningkat. Ini dapat dilihat dalam kajian oleh pasukan UiTM yang mengkaji gejala alkoholisme belia di Kuala Lumpur yang menunjukkan hampir 50% belia yang dikaji menggunakan alkohol sekali seminggu manakala sekitar 11% daripada mereka minum minuman beralkohol 3 - 5 kali seminggu<sup>11</sup>. Penyalahgunaan alkohol di usia muda akan memberi risiko negatif kepada aspek kesihatan, sosial dan ekonomi kepada belia pada jangka masa panjang.

### **3.0 PENANDA ARAS ANTARABANGSA**

Terdapat beberapa usaha di peringkat antarabangsa yang telah diambil untuk membendung penyalahgunaan alkohol. Di antara negara yang telah mengambil langkah awal dan menyeluruh adalah Republik Ireland dan Australia. Selain itu, terdapat juga cadangan langkah untuk membendung penyalahgunaan alkohol yang telah dibuat oleh United Nations Economic and Social Commission for Asia Pacific (UN ESCAP).

Republik Ireland telah mewartakan Akta Kesihatan Awam (Alkohol) 2018 pada 17 Oktober 2018. Untuk pertama kalinya, undang-undang ini bertujuan untuk menangani kesan negatif penggunaan terhadap kesihatan awam. Ini adalah sebahagian dari langkah-langkah yang dirancang untuk mengurangi penggunaan alkohol dan membatasi kerosakan pada kesihatan, masyarakat dan ekonomi negara<sup>12</sup>. Objektif dasar utama Akta Kesihatan Awam (Alkohol) 2018 adalah untuk:

- mengurangkan pengambilan alkohol kepada 9.1 liter alkohol tulen setiap orang setahun menjelang 2020
- melambatkan umur awal penggunaan alkohol oleh belia
- mengurangkan bahaya yang disebabkan oleh penyalahgunaan alkohol
- memastikan bekalan dan harga alkohol diatur dan dikawal untuk meminimumkan kemungkinan dan kejadian bahaya alkohol

Undang-undang ini merangkumi peruntukan untuk harga unit minimum, label kesihatan pada produk yang mengandungi alkohol, larangan pengiklanan dan pemasaran alkohol, peraturan penajaan sukan dan sekatan pada aktiviti promosi tertentu.

---

<sup>10</sup> <http://www.ias.org.uk/What-we-do/Publication-archive/The-Globe/Issue-4-2001-amp-3-2001/The-alkohol-problem-in-Malaysia.aspx>

<sup>11</sup>

[https://www.researchgate.net/publication/281618218\\_Alcoholism\\_among\\_Youth\\_A\\_Case\\_Study\\_in\\_Kuala\\_Lumpur\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/281618218_Alcoholism_among_Youth_A_Case_Study_in_Kuala_Lumpur_Malaysia)

<sup>12</sup> <https://www.gov.ie/en/policy-information/89335d-healthy-ireland-alkohol-policy/>

Manakala Australia pula telah merangka *National Alcohol Strategy 2019–2028*<sup>13</sup>. Matlamat strategi kebangsaan tersebut adalah untuk mencegah dan mengurangkan bahaya yang berkaitan dengan alkohol di kalangan individu, keluarga dan masyarakat dengan:

- mengenal pasti bidang fokus dan pilihan dasar keutamaan nasional yang dipersetujui;
- mempromosikan dan memudahcarakan kolaborasi, perkongsian dan komitmen dari sektor kerajaan dan bukan kerajaan;
- mensasarkan penurunan 10% dalam pengambilan alkohol berbahaya

Manakala di UN ESCAP, satu laporan telah dikemukakan “Strategies to Tackle the Issue of Impaired Driving for Road Safety in the Asia Pacific Region: Implementation Framework” pada Disember 2019<sup>14</sup>. Laporan tersebut membuat beberapa cadangan yang boleh dibahagi kepada 5 bahagian:

- Pendidikan dan kesedaran  
Membangun kesedaran melalui pendidikan untuk semua pengguna jalan raya untuk menyokong perubahan tingkah laku di antara pemandu, penunggang dan pejalan kaki, bermula dengan kumpulan yang disasarkan, seperti pemandu kenderaan berat dan pemandu motosikal.
- Perundangan dan penguatkuasaan  
Menyokong tindakan penguatkuasaan yang kerap dan dizahirkan untuk mereka yang berada di bawah pengaruh alkohol. Ini boleh memberi kesan langsung dan berpotensi besar terhadap perubahan tingkah laku termasuk yang berikut:
  - Pembangunan dan penggunaan dasar dan strategi nasional berdasarkan bukti yang bertujuan untuk mengurangkan pemanduan minuman dan kemalangan jalan raya yang berkaitan. Ini mungkin memerlukan penilaian kembali dan mempertimbangkan cukai yang sesuai untuk penjualan alkohol dengan pendapatan tambahan yang akan digunakan untuk pendidikan, kegiatan peningkatan kesedaran dan penguatkuasaan langkah-langkah yang berkesan yang bertujuan untuk mencegah pemanduan minuman keras;
  - Pertimbangkan untuk menetapkan umur minum minimum yang sesuai untuk pengambilan alkohol;
  - Mengamalkan undang-undang nasional yang melarang pemanduan di bawah pengaruh alkohol.

---

<sup>13</sup> <https://www.health.gov.au/resources/publications/national-alcohol-strategy-2019-2028>

<sup>14</sup> <https://www.unescap.org/resources/strategies-tackle-issue-impaired-driving-road-safety-asia-pacific-region-implementation>

- Siapkan ujian pernafasan secara rawak dan pusat pemeriksaan ketenangan. Antara kemungkinan sekatan untuk kesalahan memandu minuman adalah mengambil lesen memandu, denda yang sesuai, dan pemantauan alkohol;
  - Pertimbangkan untuk membenarkan immobilizer berdasarkan tahap alkohol dalam badan, khususnya untuk pesalah yang memandu dalam keadaan mabuk.
- Dasar kawalan alkohol  
Strategi dasar alkohol seperti berikut:
    - Perkhidmatan menyediakan minuman alkohol minuman yang bertanggungjawab dan penguatkuasaan ke atas pelanggan yang jelas mabuk;
    - Mengurangkan atau mengehadkan kepadatan kedai alkohol di sebuah komuniti, negeri, wilayah atau negara;
    - Mengehadkan jam penjualan alkohol di kedai, bar dan restoran, seperti tidak ada penjualan pada hari-hari tertentu, tidak ada penjualan selepas jam 11 malam atau tiada penjualan sehingga tengah hari;
    - Tetapkan harga minimum alkohol untuk menjadikannya lebih mahal daripada minuman ringan.
  - Data keselamatan jalan raya  
Mengamalkan pengumpulan data yang berkaitan dengan konsentrasi alkohol dalam darah pada kumpulan yang terdedah kepada risiko kemalangan jalanraya disebabkan penyalahgunaan alkohol. Pembangunan sistem data yang konsisten dan berkualiti untuk mengesan kemajuan dan pola pengurangan pemanduan mabuk.
  - Pelaksanaan  
Kerangka umum untuk pelaksanaan cadangan meliputi:
    - Pengenalpastian masalah;
    - Pembinaan pasukan kepimpinan;
    - Membangunkan rancangan strategik;
    - Melaksanakan rancangan;
    - Menilai keberkesanan tindakan balas dalam rancangan.

#### **4.0 CADANGAN PEMBANGUNAN POLISI**

Pembangunan PPAK seharusnya menyeluruh daripada segi strategi, pelaksanaan dan pemantauan. Termasuk juga aspek undang-undang sehinggalah ke pendidikan dan kesedaran, serta setiap elemen sosio-ekonomi, budaya dan agama. Mengambil contoh

melalui penanda aras sedia ada, DPPM mencadangkan elemen berikut diambil kira di dalam PPAK:

- I. Hala tuju strategik PPAK adalah untuk mengurangkan penyalahgunaan alkohol
- II. Matlamat PPAK - Untuk mewujudkan masyarakat yang bebas daripada kesan bahaya penyalahgunaan alkohol daripada aspek kesihatan awam, keselamatan dan sosio-ekonomi
- III. Keberhasilan PPAK - Peningkatan tahap kesihatan, keselamatan dan sosio-ekonomi hasil daripada :
  - A. Pengurangan penyakit, kecederaan dan kecacatan yang disebabkan oleh penyalahgunaan alkohol
  - B. Pengurangan tahap jenayah akibat penyalahgunaan alkohol
  - C. Pengurangan kemalangan jalan raya akibat penyalahgunaan alkohol
  - D. Pengurangan keganasan yang disebabkan penyalahgunaan alkohol
  - E. Pengurangan tahap kemiskinan akibat penyalahgunaan alkohol
- IV. Objektif PPAK - Untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan sosial rakyat Malaysia dengan mengurangkan penyalahgunaan alkohol yang berbahaya, sehingga dapat menyelamatkan nyawa, mengurangkan penyakit dan mencegah kecederaan.
- V. Objektif Khusus:
  - A. Untuk memastikan peraturan yang berkesan mengenai ketersediaan dan kebolehcapaian produk alkohol
  - B. Untuk mempromosikan perkhidmatan kesihatan dan tindak balas sektor lain terhadap penggunaan alkohol yang berbahaya
  - C. Untuk memastikan permintaan yang rendah terhadap produk alkohol melalui perubahan tingkah laku intervensi yang
  - D. Untuk mempromosikan pemantauan, pengawasan dan penyelidikan mengenai penyalahgunaan alkohol
- VI. Bidang Keutamaan PPAK - tumpuan kepada lapan bidang keutamaan berikut untuk memenuhi matlamat, objektif dan hasil dasar:
  - A. Bidang Keutamaan 1 - Pembangunan keupayaan penyampaian dan pelaksanaan program pengurangan penyalahgunaan alkohol. Polisi ini akan



memastikan bahawa semua kakitangan di Agensi dan Institusi Penguatkuasa seperti AADK, JPJ, PDRM, RELA dan sebagainya dilengkapi untuk menangani tindakan pencegahan dan kesan penyalahgunaan alkohol.

- B. Bidang Keutamaan 2: Pendidikan dan Latihan mengenai penyalahgunaan alkohol. Polisi ini mengiktiraf corak pengambilan alkohol dengan usia, jantina, budaya, jenis alkohol dan pendapatan. Polisi ini bertujuan untuk membawa perubahan positif dalam corak tingkah laku dengan mengurangkan penggunaan pelbagai demografi. Pelaksanaan pelbagai sektor dirancang untuk mengurangkan tingkah laku berbahaya yang berkaitan dengan alkohol. Polisi ini akan mempromosikan pendidikan dan latihan mengenai kesan penggunaan alkohol yang berbahaya di institusi formal dan tidak formal.
- C. Bidang Keutamaan 3: Sistem pengeluaran, pengedaran dan penjualan komersial produk alkohol. Polisi ini mengenal pasti jurang dalam dan di antara undang-undang yang ada dan ketidakcukupan dalam penguatkuasaan. Sekaligus menyedari perlunya kerangka pelaksanaan yang diselaraskan, khususnya, undang-undang bagi mencapai tujuan mengawal pengedaran, mengawal selia jualan, sekatan, pelesenan, cukai, dan had umur minimum. Polisi ini akan memastikan pembentukan, peninjauan dan penguatkuasaan peraturan mengenai sistem pengeluaran, pengedaran dan penjualan produk alkohol secara komersial.
- D. Bidang Keutamaan 4: Pemasaran produk alkohol. Polisi ini mengakui perlunya pemberian kuasa secara rasmi kepada institusi pengawal seliaan alkohol dengan kuasa perundangan untuk mempertanggungjawabkan pihak berkait mengenai pemasaran produk alkohol. Polisi ini akan memastikan peraturan komprehensif berkaitan pemasaran produk alkohol.
- E. Bidang Keutamaan 5: Pencegahan pemanduan bahaya akibat penyalahgunaan alkohol. Polisi ini menyedari akibat kemalangan jalan raya yang berkaitan dengan alkohol, oleh itu polisi menyedari perlunya menetapkan langkah-langkah untuk menangani pemanduan bahaya akibat penyalahgunaan alkohol. Polisi akan memastikan bahawa undang-undang lalu lintas jalan raya yang berkaitan dengan alkohol adalah komprehensif, dihormati dan dipatuhi.

F. Bidang Keutamaan 6: Intervensi kesihatan. Polisi mengenalpasti tiga keadaan kesihatan awam yang berpunca daripada alkohol iaitu keracunan, mabuk dan ketagihan yang membawa kepada beban penyakit, keganasan, kecederaan dan kematian. Polisi harus menyedari keperluan untuk memperkuat peranan perkhidmatan kesihatan dalam menangani bahaya pada tahap individu dengan gangguan penyalahgunaan alkohol. Polisi akan memastikan penyediaan pencegahan dan rawatan yang disesuaikan secara kontekstual dan intervensi kepada individu dan keluarga yang berisiko atau terjejas oleh gangguan penyalahgunaan alkohol.

G. Bidang Keutamaan 7: Penyelidikan, Pemantauan & Analisa Data Raya diperlukan untuk memantau corak yang berkaitan dengan alkohol, untuk memperkuat advokasi dan menilai keberkesanan program intervensi. Oleh kerana data berkaitan alkohol tersedia di berbagai sektor, satu penyeliaan sistem yang baik diperlukan untuk koordinasi, pertukaran maklumat dan kolaborasi untuk mencapai pemantauan dan pengawasan yang komprehensif. Polisi ini akan mempromosikan intervensi berdasarkan bukti berkaitan dengan penyalahgunaan alkohol.

VII. Penyelarasan Pelaksanaan - Polisi ini perlu mengiktiraf peranan dan tanggung jawab pelbagai agensi dan institusi di pelbagai kementerian. Polisi ini juga harus menyedari sokongan daripada pemegang taruh lain untuk membantu penyediaan sumber yang diperlukan untuk pelaksanaan intervensi untuk menangani penyalahgunaan alkohol. Oleh itu, Polisi ini memerlukan penginstitutionan program intervensi penyalahgunaan alkohol di semua peringkat untuk memastikan sokongan masyarakat yang berterusan. Polisi ini juga harus mengiktiraf penyertaan sektor swasta dan NGO melalui perkongsian pintar sektor awam - swasta perkongsian dalam program komuniti yang bertujuan mengurangkan penyalahgunaan alkohol. Oleh itu, antara penyelarasan institusi yang perlu diambil kira:

#### **Kementerian-kementerian mengikut bidang polisi**

A. **Kementerian Kesihatan** akan menyelaraskan pelaksanaan polisi serta melaksanakan intervensi untuk mengurangkan bahaya yang berkaitan dengan penyalahgunaan alkohol

- B. **Kementerian Pengangkutan** akan memastikan pelaksanaan strategi penguatkuasaan Polisi berkaitan keselamatan jalan raya dan pengangkutan berkaitan;
- C. **Kementerian Dalam Negeri** akan memastikan pelaksanaan strategi penguatkuasaan Polisi berkaitan keselamatan awam;
- D. **Kementerian Pendidikan** akan memastikan program pendidikan awam mendorong pengurangan pengambilan alkohol dilaksanakan
- E. **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan** akan menyelaraskan pelaksanaan Polisi dalam aktiviti pengurangan bahaya yang berkaitan dengan alkohol di peringkat daerah dengan kerjasama pihak berkepentingan lain;
- F. **Kementerian Perdagangan dan Perindustrian** akan memastikan pematuhan standard kualiti produk alkohol melalui piawaian Malaysia Standards;
- G. **Kementerian Pembangunan Belia dan Sukan** akan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti pengurangan bahaya penyalahgunaan alkohol dikalangan belia;
- H. **Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga** akan menyelaraskan program kesedaran penyalahgunaan alkohol dan program sokongan untuk mangsa penyalahgunaan alkohol;
- I. **Kementerian Komunikasi dan Multimedia** bertanggungjawab untuk maklumat berkaitan dan menyelaraskan komunikasi berkaitan penyalahgunaan alkohol;
- J. **Kementerian Kewangan** akan menyelaraskan perkara berkaitan dengan percukaian produk alkohol dan pembiayaan untuk pelaksanaan Polisi;

### **Sektor Swasta dan Badan Bukan Kerajaan**

- A. Government Linked Companies
- B. Perusahaan Kecil dan Sederhana
- C. PEMADAM

### **Badan Berkanun**

- A. Malaysia Standards (MS) akan berperanan dengan industri alkohol dalam memastikan pematuhan standard minimum produk alkohol dan piawaian untuk semua peralatan dan produk berkaitan alkohol
- B. SIRIM akan berperanan menguatkuasakan piawaian yang telah ditetapkan oleh MS untuk pelbagai produk berkaitan alkohol

- C. Universiti dan institusi penyelidikan tempatan akan menjalankan penyelidikan dan melaksanakannya peningkatan keupayaan terhadap bahaya yang berkaitan dengan alkohol.

Jawatankuasa Antara Kementerian (JAK) - Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memberikan kepimpinan, pengawasan dan menerbitkan laporan mengenai kemajuan program intervensi penyalahgunaan alkohol.

Jawatankuasa Tempatan Mengawal Penyalahgunaan Alkohol - Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan menubuhkan Jawatankuasa ini untuk bertanggungjawab terhadap tindakan masyarakat terhadap semua penyalahgunaan alkohol dengan kerjasama dengan pihak berkepentingan tempatan; Jawatankuasa ini akan menyelaraskan pemegang taruh tempatan, jabatan kerajaan, agensi, organisasi sivil dalam melaksanakan peranan masing-masing

- VIII. Penyelarasan undang-undang - Polisi ini juga harus mengambil kira penyelarasan peruntukan undang-undang yang berkaitan dalam pengawalan penyalahgunaan alkohol. Pindaan dicadangkan untuk mewajibkan hukuman penjara bagi setiap peruntukan undang-undang bagi kesalahan yang diutarakan dan meningkatkan kadar denda berdasarkan kajian kemampuan rakyat daripada setiap kelompok B40, M40 dan T20 serta faktor-faktor lain yang berkaitan demi memastikan tiada golongan yang boleh sewenang-wenangnya terlepas daripada melakukan kesalahan ini. Selain daripada itu, kadar had alkohol yang ditetapkan harus dikurangkan ke tahap **BAC 0%** bagi meningkatkan keberkesanan undang-undang ini.

#### **RINGKASAN PERUNDANGAN BERKAITAN ARAK <sup>15</sup>**

Penjualan arak di Malaysia dikawal oleh beberapa peruntukan undang-undang sedia ada dan penguatkuasaannya dipertanggungjawabkan kepada beberapa Agensi Kerajaan berkaitan pada peringkat persekutuan, negeri dan juga PBT. Pada peringkat persekutuan, penjualan arak dikawal oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di bawah Kementerian Kewangan dan undang-undang (terkini ialah Kementerian Kewangan) yang berkaitan dengan pelesenan jualan arak oleh JKDM ialah Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (Akta 176) serta peraturan yang dibuat di bawahnya.

---

<sup>15</sup> Jasri Jamal, Noryati Anuar. (2012). *Undang-Undang Kawalan Penjualan Arak Oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Kajian Khusus Di Negeri Selangor Darul Ehsan, Jurnal DBP 24 Kanun (2), m/s 213-225*

Berdasarkan seksyen 2(1) Akta Kastam 1967, takrif “liquor yang memabukkan” termasuklah apa-apa alkohol, atau apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada dua peratus spirit pruf (alkohol mutlak), yang sesuai atau bermaksud untuk, atau yang boleh dengan apa-apa cara diubah bagi digunakan sebagai suatu minuman.

Pengimportan liquor yang memabukkan dikawal oleh JKDM dan setiap pengimport perlu mendapatkan lesen untuk mengimport bahan tersebut ke Malaysia berdasarkan peraturan 18 Peraturan-Peraturan Kastam 1977. Lesen pengilangan liquor yang memabukkan di dalam negara juga dikawal oleh JKDM menurut Akta Eksais 1976. Kehendak pelesenan yang ditetapkan oleh JKDM untuk penjualan liquor yang memabukkan secara runcit tertakluk di bawah seksyen 32 Akta Eksais 1976. Walau bagaimanapun, seksyen ini memberikan pengecualian lesen jualan runcit minuman beralkohol seperti bir, todi atau liquor natif.

Penjualan runcit kecil-kecilan bagi arak jenis ini tidak melebihi kuantiti yang ditetapkan dibolehkan di kedai tanpa keperluan pelesenan di bawah Akta ini. Seksyen ini juga turut memberikan kuasa mutlak kepada Menteri (Kewangan) untuk membenarkan sesiapa sahaja menjual apa-apa liquor yang memabukkan secara runcit. Lesen penjualan liquor memabukkan secara borong berdasarkan seksyen 33 Akta Eksais 1976. Pihak yang bertanggungjawab melesenkan penjualan liquor yang memabukkan ialah Lembaga Pelesenan Daerah yang dilantik di bawah seksyen 31 Akta Eksais 1976 dan perjalanan urusan Lembaga Pelesenan Daerah tersebut dan fi bagi lesen menjual liquor yang memabukkan sebagaimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Eksais (Lembaga Pelesenan) 1977.

Kuasa mengenakan duti eksais terhadap barang tertentu termasuk penjualan liquor yang memabukkan dinyatakan dalam seksyen 6 Akta Eksais 1976. Peraturan-Peraturan Eksais (Penjualan Liquor yang Memabukkan) 1977 pula mengehaskan jualan liquor yang memabukkan secara borong dan runcit dari pukul 9.00 malam hingga pukul 7.00 pagi dan larangan membekal atau menjual liquor yang memabukkan kepada orang yang berumur bawah 18 tahun. Selain itu, terdapat juga Peraturan-Peraturan Eksais (Membotolkan dan Memindahkan Liquor yang Memabukkan) 1977 dan Peraturan-Peraturan Eksais (Kawalan-Kawalan Todi dan Kadar Todi) 1977.

Kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (“PBT”) untuk mengawal aktiviti penjualan arak terutamanya melibatkan orang Islam adalah tidak spesifik dan hanya secara tidak

langsung berdasarkan peruntukan undang-undang yang bersifat umum. Secara amnya, kuasa PBT melakukan segala perkara yang perlu untuk atau yang bermanfaat kepada keselamatan, kesihatan dan kesenangan awam dinyatakan di bawah seksyen 101(1)(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).<sup>33</sup> Seksyen 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976 pula memperuntukkan kuasa am PBT untuk membuat undang-undang kecil mengenai segala perkara yang perlu untuk memelihara kesihatan, keselamatan dan kesentosaan penduduk bagi kawasan PBT, khususnya bagi mengawal dan menyelia dengan pendaftaran, pelesenan atau selainnya, termasuk melarang sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian daripada jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam.

Berdasarkan segala peruntukan undang-undang yang telah dinyatakan di atas, kita dapat melihat bahawa tiada pihak yang mempunyai kuasa mutlak perseorangan dalam mentadbir isu ini. Setiap pihak di dalam kerajaan persekutuan mahupun negeri mempunyai bidang kuasanya yang tertentu. Maka, penubuhan Jawatankuasa Antara Kementerian ("JAK") dan Jawatankuasa Tempatan Mengawal Penyalahgunaan Alkohol ("JTMPA") akan membantu dalam penyelarasan pengkajian semula keberkesanan undang-undang dan peraturan semasa berdasarkan kajian kes kemalangan memandu di bawah pengaruh alkohol. Ini dapat melicinkan pentadbiran dan membantu Kementerian Pengangkutan dalam mencapai visinya iaitu menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan bersepadu, efisien dan selamat.

Antara peruntukan-peruntukan perundangan yang perlu diambil kira dalam pelaksanaan PPAK:

#### **A. Akta Pengangkutan Jalan 1987**

- Antara salah satu tujuan undang-undang ini adalah ia membuat peruntukan mengenai pengawalseliaan kenderaan-kenderaan motor dan lalu lintas di jalan-jalan dan perkara lain yang berkenaan dengan jalan-jalan dan kenderaan-kenderaan di atasnya. Antara peruntukan yang berkaitan dengan kesalahan memandu ialah seksyen 39-55. Bagi kesalahan memandu di bawah pengaruh minuman yang memabukkan secara spesifik adalah seksyen 44-45c. Undang-undang ini juga memperuntukkan kuasa bagi menteri yang bertanggungjawab untuk hal ehwal pengangkutan.

#### **B. Akta Kastam 1967 & Peraturan Kastam 1977 & Akta Eksais 1976 & Peraturan-Peraturan Eksais 1977**

Penjualan arak dikawal oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia ("JKDM) di bawah Kementerian Kewangan. Lembaga pelesenan arak dipertanggungjawabkan dalam melesenkan penjualan *liquor* yang memabukkan berdasarkan seksyen 31 Akta Eksais 1976. Fi bagi lesen menjual *liquor* yang memabukkan dinyatakan di bawah peraturan-peraturan Eksais 1977.

#### **C. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah**

Undang-undang ini mentadbir kesalahan meminum minuman yang memabukkan hanya kepada orang Islam

#### **D. Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan**

Undang-undang ini memperuntukkan kuasa pihak berkuasa negeri untuk melesen dan mengawal selia hiburan yang beroperasi.

#### **E. Akta Kerajaan Tempatan 1976**

Pihak Berkuasa Tempatan diberi kuasa untuk mengawal aktiviti penjualan arak adalah tidak spesifik dan hanya secara tidak langsung berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah seksyen 10 (i) (v) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan seksyen 102 (s) di bawah Akta yang sama yang memperuntukkan kuasa pihak berkuasa tempatan menggubal undang-undang kecil mengenai segala perkara berkaitan pelesenan arak.

### **5.0 KESIMPULAN**

Bahaya penyalahgunaan alkohol dan kesannya amat membimbangkan. Penggunaan alkohol telah membebankan sistem kesihatan, sosial dan ekonomi negara. Kecederaan dan kematian yang disebabkan oleh penyalahgunaan alkohol tidak dapat dinafikan. **Dewan Pemuda PAS Malaysia DPPM**, mencadangkan pembangunan **Polisi Penyalahgunaan Alkohol Kebangsaan (PPAK)**. Polisi ini memberi kita peluang untuk menyatukan kerangka kerja menyeluruh untuk membimbing usaha ke arah merealisasikan aspirasi bebas penyalahgunaan alkohol. Secara khusus, PPAK menyediakan mekanisme untuk mengatur sektor formal dan tidak formal, menekankan penawaran dan permintaan produk alkohol, koordinasi dan kerjasama pelbagai pemegang taruh dalam menangani penyalahgunaan alkohol, untuk akhirnya mencapai negara yang selamat daripada bahaya penyalahgunaan alkohol.

**Disediakan oleh**

Institut for Policy Studies (IPS)

Dewan Pemuda PAS Malaysia